

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

E-mail : info@lpp.gov.my

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Email Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan : LPP(B) 5/6 Jld 6 (1)
Ruj. Kami : 30 Ogos 2013
Tarikh :

Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Negeri

Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Setiausaha Tetap,
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak,
Merangkap Wakil Pendaftar,
Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak

Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 3 TAHUN 2013 PINDAAN PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH MENTADBIR UNIT AHLI PERTUBUHAN PELADANG (PP)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.


2. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil. 3 Tahun 2013 – Pindaan Perlembagaan dan Kaedah Mentadbir Unit Ahli Pertubuhan Peladang (PP) untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.
3. Sukacita dapat pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan mencetak secukupnya untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan.
4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Cawangan Undang-Undang, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.

2/...

Sekian, terima kasih.

Tema Maha International & Dan Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan 2012
"TRANSFORMASI PERTANIAN MELALUI INOVASI"

Saya yang menurut perintah,


(MOHAMMAD NAZZERI BIN RAMLI)
b.p Pendaftar
Pertubuhan Peladang

Fail Arahan Pendaftar/ MNZ/dinie/30.8.2013

s.k : Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Pejabat Wakil Pendaftar
Pertubuhan Peladang Sarawak
d/a Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sarawak
Tingkat 13, Menara Pelita
Jalan Tun Abdul Rahman Yakub
93050 Petra Jaya
Kuching Sarawak

Pengarah Bahagian

Urusetia Ketua Pengarah

Pegawai Peladang Daerah.....

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

E-mail : info@lpp.gov.my

Email Bahagian : lpphq_penyelidikan@lpp.gov.my

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LPP(B) 5/6 Jld 6 ()
Tarikh : 30 Ogos 2013

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 3 TAHUN 2013

PINDAAN KEPADA-

- PERKARA 51 (xiii) PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN;
- PERKARA 49 (xiii) PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG NEGERI;
- PERKARA 49 (xiii) PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN; DAN
- KAEDAH 16(i), 16(iv), 23(ii), 27(ii), 42 & 43 KAEDAH MENTADBIR DAN MENGURUS UNIT AHLI PERTUBUHAN PELADANG

1. TUJUAN

1.1 Arahan, ini dikeluarkan bagi meminda Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Kaedah Mentadbir Mengurus Unit Ahli Pertubuhan Peladang bertujuan-

- i. Mewujudkan punca kuasa yang khusus kepada Ahli Jemaah Pengarah (AJP) dan Mesyuarat Agung Unit dalam melaksanakan pengurusan Kumpulan Peladang Wanita (KPW) dan Kumpulan Peladang Muda (KPM);
- ii. Memperkemaskan pentadbiran unit.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dalam Perlembagaan PPK yang sedia ada, tiada punca kuasa khusus untuk mewujudkan Kumpulan Peladang Nita. Punca kuasa mewujudkan Kumpulan Peladang Nita dan Kumpulan Peladang Muda hanya terdapat dalam Kaedah 16(iv), 40(ii) (iii), 42 dan 43 Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli Pertubuhan Peladang.
- 2.2 Namun begitu, terma-terma yang ada mengenai pelaksanaan aktiviti dan pentadbiran Kumpulan Peladang Nita dan Kumpulan Peladang Muda hanya terdapat dalam Kaedah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 2.1 namun ianya tidak menyeluruh dan tiada panduan yang jelas mengenai pelaksanaannya di peringkat Pertubuhan Peladang..

3. PUNCA KUASA

- 3.1 Punca kuasa bagi Arahan ini dibuat di bawah Peraturan 85, Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 seperti berikut-

"Pendaftar boleh, jika difikirkannya perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan Peraturan-Peraturan ini".

- 3.2 Peraturan 54(7) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983:-

"Jika Pendaftar berpendapat bahawa sesuatu pindaan adalah perlu, Pendaftar boleh meminta Pertubuhan Peladang itu untuk meminda perlembagaannya dengan sewajarnya dan boleh menetapkan tempoh dalam

mana pindaan tersebut mesti dibuat; dan jika, setelah tamat tempoh yang ditetapkan itu, tiada pindaan yang telah dibuat, Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan itu dan dengan itu perlembagaan itu hendaklah disifatkan telah dipinda dengan sewajarnya”.

4. PELAKSANAAN

4.1 Oleh kerana Pendaftar menggunakan kuasanya di bawah Peraturan 54(7) Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983, maka PPK, PPN dan NAFAS hendaklah meminda Perlembagaan dan Kaedahnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Arahan Pendaftar ini dikeluarkan. Jika tempoh di atas tamat dan pindaan tidak dibuat oleh PPK, PPN dan NAFAS maka Pendaftar hendaklah mendaftarkan pindaan ini dan dengan itu, perlembagaan itu hendaklah disifatkan dipinda dengan sewajarnya bermula dari tarikh Arahan Pendaftar ini dikuatkuasakan.

5. KEPUTUSAN

5.1 Dengan ini diputuskan pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang adalah seperti berikut-


- a. Perkara 51(xiii) Perlembagaan PPK - Tugas-tugas Jemaah Pengarah;
- b. Perkara 49(xiii) Perlembagaan PPN - Tugas-tugas Jemaah Pengarah;
- c. Perkara 49(xiii) Perlembagaan NAFAS - Tugas-tugas Jemaah Pengarah

- 5.2 Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kawasan adalah seperti di **Lampiran A**.
- 5.3 Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Negeri adalah seperti di **Lampiran B**.
- 5.4 Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan adalah seperti di **Lampiran C**.
- 5.5 Dengan ini diputuskan pindaan Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli Pertubuhan Peladang adalah seperti berikut:-
- a. Kaedah 16(i) Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PP – Tugas-Tugas Mesyuarat Agung.
 - b. Kaedah 16(iv) Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PPK – Tugas-Tugas Mesyuarat Agung.
 - c. Kaedah 23(ii) Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PPK – Pengerusi/ Setiausaha.
 - d. Kaedah 27(ii) Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PPK – Keanggotaan Jawatankuasa.
 - e. Kaedah 42 Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PPK – Kumpulan Peladang Wanita.
 - f. Kaedah 43 Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli PPK – Kumpulan Peladang Muda.

- 6 Pindaan Kaedah Mentadbir dan Mengurus Unit Ahli Pertubuhan Peladang adalah seperti di **Lampiran D**.

6. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai ...30..... Haribulan ...Ogos
Tahun Dua Ribu Tiga Belas.



(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang

PINDAAN PERLEMBAGAAN DAN KAEDAH BAGI PENAMBAHBAIKAN
KUMPULAN PELADANGNITA DAN KUMPULAN PELADANG MUDA

A. PINDAAN PERLEMBAGAAN PPK

Perkara	Peruntukan Asal	Pindaan	Justifikasi
51 : Tugas- tugas Jemaah Pengarah	51 (xiii) Melantik jawatankuasa- jawatankuasa kecil atau pakar- pakar bagi membantu Jemaah Pengarah;	51 (xiii) Melantik jawatankuasa- jawatankuasa kecil atau Wakil Kumpulan PeladangNita atau Wakil Kumpulan Peladang Muda atau pakar- pakar bagi membantu Jemaah Pengarah;	(a) Membolehkan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan mewujudkan Jawatankuasa Kumpulan PeladangNita dan Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda di peringkat Unit, Pertubuhan Peladang Kawasan. Salah seorang dari Ketua Kumpulan PeladangNita/ Ketua Kumpulan Peladang Muda di peringkat Unit ini akan dilantik oleh Jawatankuasa Kumpulan PeladangNita/Kumpulan Peladang Muda di Peringkat PPK sebagai Pengerusi dan akan mewakili Jawatankuasa ini sebagai Ex-officio Pengarah PPK. (b) Pengerusi Kumpulan PeladangNita dan Pengerusi Kumpulan Peladang Muda di peringkat PPK hendaklah dilantik

		Unit Ahli Pertubuhan Peladang.	<p>sebagai Ex-officio di dalam Mesyuarat AJP supaya dapat membantu AJP membincangkan mengenai hal ehwal ahli PPK secara menyeluruh.</p>
--	--	--------------------------------	---

Lampiran B

B. PINDAAN PERLEMBAGAAN PPN

Perkara	Peruntukan Asal	Pindaan	Justifikasi
<p>49 Tugas- tugas Jemaah Pengarrah</p>	<p>49 (xiii) Melantik jawatankuasa- jawatankuasa kecil atau pakar- pakar bagi membantu Jemaah Pengarrah</p>	<p>49 (xiii) Melantik jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau Wakil Kumpulan PeladangNita atau Wakil Kumpulan Peladang Muda atau pakar-pakar bagi membantu Jemaah Pengarrah;</p> <p>(a) Pengerusi Kumpulan PeladangNita dan Pengerusi Kumpulan Peladang Muda di peringkat Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah dilantik sebagai ex-officio dan hendaklah dijemput hadir dalam Mesyuarat Jemaah Pengarrah.</p> <p>(b) Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Kumpulan PeladangNita serta Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda hendaklah dilantik dari kalangan Pengerusi- Pengerusi Kumpulan PeladangNita dan Pengerusi-Pengerusi Kumpulan Peladang Muda peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan.</p>	<p>Membolehkan Ahli Jemaah Pengarrah Pertubuhan Peladang Negeri mewujudkan Jawatankuasa Kumpulan PeladangNita dan Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda di peringkat PPN</p> <p>Pengerusi Kumpulan PeladangNita dan Pengerusi Kumpulan Peladang Muda dilantik sebagai ex-officio di dalam Mesyuarat AJP supaya dapat membantu Ahli Jemaah Pengarrah membincangkan mengenai hal ehwal ahli Pertubuhan Peladang secara menyeluruh</p>

C. PINDAAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN

Perkara	Peruntukan Asal	Pindaan	Justifikasi
<p>49 Tugas-tugas Jemaah Pengarah</p>	<p>49 (xiii) Melantik Jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau pakar-pakar bagi membantu Jemaah Pengarah</p>	<p>49 (xiii) Melantik jawatankuasa-jawatankuasa kecil atau Wakil Kumpulan PeladangNita atau Wakil Kumpulan Peladang Muda atau pakar-pakar bagi membantu Jemaah Pengarah;</p> <p>(a) Seorang wakil dari kalangan Pengerusi-Pengerusi Kumpulan PeladangNita dan Kumpulan Peladang Muda peringkat Pertubuhan Peladang Negeri hendaklah dilantik sebagai ex-officio dan hendaklah dijemput hadir dalam Mesyuarat Ahli Jemaah Pengarah.</p> <p>(b) Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kumpulan PeladangNita serta Pengerusi dan ahli-ahliJawatankuasa Kumpulan Peladang Muda hendaklah dilantik dari kalangan Pengerusi-Pengerusi Kumpulan PeladangNita dan Pengerusi-Pengerusi Kumpulan Peladang Muda peringkat Pertubuhan Peladang Negeri</p>	<p>Membolehkan Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Negeri Peladang Jawatankuasa Kumpulan PeladangNita dan Jawatankuasa Kumpulan Peladang Muda di peringkat PPN</p> <p>Pengerusi Kumpulan PeladangNita dan Pengerusi Kumpulan Peladang Muda dilantik sebagai ex-officio di dalam Mesyuarat AJP supaya dapat membantu Ahli Jemaah Pengarah membincangkan mengenai hal ehwal ahli Pertubuhan Peladang secara menyeluruh</p>

D. PINDAAN KAEDAH MENTADBIR DAN MENGURUS UNIT

Kaedah	Peruntukan Asal	Pindaan	Justifikasi
16 (i)	Mencalonkan dan memilih Ketua Unit dan Timbalan Ketua Unit setiap dua tahun.	Mencalonkan dan memilih Ketua Unit setiap dua tahun.	Memansuhkan jawatan Timbalan Ketua Unit (standard seperti jawatan Pengerusi AJP sahaja)
16(iv)	Mengesahkan perantikan ex-official (Ketua Kumpulan Peladang Wanita, Ketua Kumpulan Peladang Muda dan mereka-mereka yang dilantik oleh Jemaah Pengarah).	Mencalonkan dan memilih Ketua Kumpulan PeladangNita dan Ketua Kumpulan Peladang Muda setiap dua tahun.	Menjadikan jawatan Ketua Kumpulan PeladangNita dan Ketua Kumpulan Peladang Muda itu dipilih oleh Mesyuarat Agung Tahunan Unit.
23(ii)	Timbalan Ketua Unit akan menjadi Setiausaha bagi awatankuasa Unit. Sekiranya Ketua Unit tidak hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Unit, Timbalan Ketua Unit akan mempengerusikan mesyuarat itu.	(a) Ketua Unit hendaklah melantik Setiausaha bagi Jawatankuasa Unit. (b) Sekiranya Ketua Unit tidak hadir Mesyuarat, Jawatankuasa Unit hendaklah memilih mana - mana Ahli Jawatankuasa lain bagi mempengerusikan mesyuarat itu.	Oleh kerana jawatan Timbalan Ketua Unit telah dimansuhkan. Maka Ketua Unit mempunyai kuasa mutlak untuk melantik setiausaha yang boleh bekerjasama dengannya.
27(ii)	Timbalan Ketua Unit	Dimansuhkan	Oleh kerana jawatan Timbalan Ketua Unit telah dimansuhkan.

42	<p>Kumpulan PeladangNita</p> <p>i. Ahli-ahli kumpulan ini hendaklah dari kalangan wanita yang berumur lebih dari 16 tahun samada menjadi ahli Pertubuhan Peladang atau tidak iaitu anak-anak ahli, isteri ahli, ibu ahli dan lain-lain keluarga ahli;</p> <p>ii. Ahli-ahli dikumpulkan oleh Jawatankuasa Unit dan hendaklah memilih tidak lebih dari 3 orang sebagai Ahli Jawatankuasa Kecilnya untuk berbincang mengemukakan perkara - perkara yang boleh memberi faedah bagi kumpulan itu dalam Jawatankuasa Unit supaya diberi perhatian sepenuhnya oleh Pertubuhan Peladang;</p> <p>iii. Seorang wakil boleh dilantik oleh Jawatankuasa Unit yang terpilih untuk menjadi ahli Jawatankuasa Unit.</p> <p>iv. Kegiatan Kumpulan Peladang Wanita adalah seperti yang berikut:-</p>	<p>Kumpulan PeladangNita</p> <p>Dipotong dan digantikan dengan:-</p> <p>Pelaksanaan Kumpulan PeladangNita ini tertakluk kepada Panduan yang dikeluarkan oleh Pendaftaran.</p>	<p>Panduan yang disediakan adalah lebih menyeluruh di peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan dan Unit Ahli</p>
----	---	--	---

	<p>a. Rancangan ekonomi rumah tangga;</p> <p>b. Perusahaan kerja tangan dan latihan kemahiran;</p> <p>c. Aktiviti kebudayaan dan sukan;</p> <p>d. Kawalan kesihatan, membaiki "diet", pakaian dan susunatur keselesaan rumah;</p> <p>e. Pelajaran mengatur 'budget' pendapatan dan perbelanjaan rumah.</p>		
43	<p>Kumpulan Peladang Muda</p> <p>i. Ahli-ahli hendaklah dari kalangan anak-anak atau keluarga ahli Pertubuhan Peladang, iaitu pemuda berumur 16 tahun hingga 25 tahun samada sudah menjadi ahli atau belum;</p> <p>ii. Ahli-ahli dikumpulkan oleh Jawatankuasa Unit dan hendaklah memilih tidak lebih dari 3 orang sebagai Jawatankuasa Kecilnya untuk berbincang serta</p>	<p>Kumpulan Peladang Muda</p> <p>Dipotong dan digantikan dengan:-</p> <p>Pelaksanaan Kumpulan Peladang Muda ini tertakluk kepada Panduan yang disediakan oleh Pendaftar.</p>	<p>Kaedah yang disediakan adalah lebih menyeluruh.</p>

	<p>mengemukakan perkara-perkara yang boleh memberi faedah kepada kumpulan itu dalam Jawatankuasa Unit supaya diberi perhatian sepenuhnya oleh Pertubuhan Peladang;</p> <p>iii. Kegiatan Kumpulan Peladang Muda adalah seperti yang berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Mengadakan rancangan latihan pertanian; b. Mengumpulkan tenaga pekerja sambil; c. Aktiviti kebudayaan dan sukan; d. Latihan kemahiran; e. Projek pertanian bersendirian; f. Projek pertanian berkumpulan; g. Lain-lain aktiviti yang mendatangkan faedah bersama kepada kumpulan; <p>iv. Seorang wakil boleh dilantik oleh Jawatankuasa Unit yang terpilih untuk menduduki Jawatankuasa Unit.</p>		
--	---	--	--